

PRU Mac tahun depan hanya spekulasi, kata Zahid
Free Malaysia Today
Sept 11, 2016
Khairil Ashraf

Beliau berkata laporan itu hanya kajian dibuat berdasarkan kepada 'structured sampling' yang dilakukan media berkenaan.

KUALA LUMPUR : Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata laporan Bloomberg yang menjangkakan pilihan raya umum (PRU) akan diadakan pada Mac tahun depan, hanya spekulasi.

Beliau berkata laporan itu hanya kajian dibuat berdasarkan kepada 'structured sampling' yang dilakukan media berkenaan.

“Tetapi realitinya kita harus berpijak di bumi yang nyata dijana kepimpinan dalam kerajaan BN serta Umno. Ia kaji selidik yang dibuat secara akademik tetapi realitinya adalah berbeza.

“Insya-Allah kita akan bekerja keras. Kita kena bekerja keras dan cerdik untuk menentukan BN menjadi peneraju kepada kepimpinan di negara ini,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Kali Kelapan Parti Makkal Sakti Malaysia di sini hari ini.

Sementara itu, Zahid berkata Umno tidak pernah menggunakan taktik menakutkan pengundi dalam gerak kerja PRU dan apa yang dilakukan hanya cara memujuk.

“Kita bukan hanya mahu bernostalgia menyatakan track record yang kita lakukan. Tetapi kita akan memberikan sesuatu yang baru, harapan terutamanya kepada pengundi pertama kali iaitu generasi Y.

“S aya yakin kalau adapun pendapat peribadi daripada mana-mana pemimpin politik parti komponen BN elok disampaikan melalui saluran Dewan Tertinggi BN dan jangan menggunakan medium lain untuk berbeza pendapat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas desakan Ahli Jawatankuasa Pusat MCA Datuk Seri Ti Lian Ker supaya Umno tidak lagi menggunakan taktik menakutkan bangsa lain untuk memenangi hati pengundi Melayu.

Lian Ker berkata taktik politik kampung seumpama itu menghakis sokongan pengundi bandar di kawasan majoriti Melayu dan mengorbankan rakan gabungan BN.

Mengulas tindakan Pengerusi Tetap Umno Bahagian Gelang Patah, Datuk Baharom Abdullah Ghani dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Kulai Datuk Tosrin Jarvanti yang keluar Umno, Zahid berkata tindakan mereka dialu-alukan.

“Saya mengaku-alu saudara Baharom dan Tosrin yang memang terkenal bersama-sama dengan pihak PPBM (Parti Pribumi Bersatu Malaysia) dan saya fikir eloklah mereka berada di sana daripada menjadi duri dalam daging Umno,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/11/pru-mac-tahun-depan-hanya-spekulasi-kata-zahid/>